

Operasi pembenihan awan diteruskan

» *Tangani masalah kekurangan air, jerebu di seluruh negara*

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Operasi pembenihan awan (OPA) di Sabah yang bermula Khamis minggu lalu diteruskan, manakala di Semenanjung akan

dimulakan hari ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, berkata OPA yang dilaksanakan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) itu tidak hanya bertujuan menangani masalah jerebu, malah menangani isu kekurangan air di Sabah.

“OPA di Semenanjung pula akan diteruskan hingga awal Mei ini bagi menangani masalah paras air di empangan Timah Tasoh di Perlis; Muda (MADA), Pedu, Ah Ning dan Beris di Kedah; Air Hitam dan Teluk Bahang di Pulau Pinang; Bukit Merah di Perak, Gemencheh di Negeri Sembilan serta Durian Tunggal, Jus dan Asa-

han di Melaka.

“Saya amat berharap usaha dilaksanakan ini menghasilkan hujan supaya dapat membantu kawasan terjejas,” ka-

“

Saya amat berharap usaha dilaksanakan ini menghasilkan hujan supaya dapat membantu kawasan terjejas”

Madius Tangau,
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

tanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, MetMalaysia menerusi laman web rasminya memaklumkan seluruh negara dijangka kembali menerima tiupan angin dari pelbagai hala dengan kelajuan lemah bermula Jumaat ini.

Cuaca baik waktu pagi

Sehubungan itu, kebanyakan kawasan di seluruh negara dijangka mengalami cuaca baik pada waktu pagi.

“Hujan awal pagi dijangka berlaku di kawasan Pantai Barat dan bahagian Barat Sarawak.

“Pada waktu petang dan malam, hujan dan ribut petir di satu dua tempat dijangka berlaku di Pantai Barat Semenanjung, semua bahagian di Sarawak serta bahagian Pantai Barat, pedalaman dan Sandakan di Sabah,” kata kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menyebutkan keadaan suhu panas yang dialami sekarang dijangka berkurangan secara perlahan-lahan dalam tempoh tinjauan itu.